Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2023, Volume 8, Issue 7, e002433
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2433

Penerokaan Sumber Dalaman Mangsa Banjir Bagi Pemerkasaan Komuniti dalam Pengurusan Bencana Banjir di Malaysia

(Exploration of Internal Resources of Flood Victims for Community Empowerment in Flood Disaster Management in Malaysia)

Noremy Md. Akhir[1*], Tengku Syuhada Elissa Tengku Adam Azli[2]
Fauziah Ibrahim[3], Aizan Sofia Amin[4], Siti Marziah Zakaria[5]
Mohd Suhaimi Mohamad[6], Azlinda Azman[7]

[1]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: noremy@ukm.edu.my
[2]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: P127551@siswa.ukm.edu.my
[3]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: ifauziah@ukm.edu.my
[4]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: aizansofia@ukm.edu.my
[5]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: marziah@ukm.edu.my
[6]Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.
Email: msuhaimi@ukm.edu.my
[7]Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.
Email: azlindaa@usm.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Noremy Md. Akhir
(noremy@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Sumber dalaman
Mangsa banjir
Pemerkasaan komuniti
Bencana banjir

KEYWORDS:
Internal resources
Flood victims
Community empowerment
Flood disaster

CITATION:
Noremy Md. Akhir et al. (2023). Penerokaan Sumber Dalaman Mangsa Banjir Bagi Pemerkasaan Komuniti dalam Pengurusan Bencana Banjir di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 8*(7), e002433. https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i7.2433

ABSTRAK

Penglibatan komuniti mangsa bencana banjir dalam pengurusan bencana sebenarnya akan membantu mereka untuk lebih berdaya tahan (resilien) serta mengurangkan risiko kepada isu tekanan psikologikal yang membimbangkan. Oleh itu, objektif bagi kajian ini adalah meneroka sumber dalaman mangsa banjir yang mempengaruhi mereka kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di Malaysia. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif di mana kajian kes pelbagai digunakan sebagai reka bentuk kajian. Ia melibatkan empat lokasi kajian iaitu negeri Kedah (Zon Utara), Selangor (Zon Tengah), Johor (Zon Selatan) dan Pahang (Zon Pantai Timur). Manakala teknik pensampelan yang digunakan adalah persampelan bertujuan dengan kriteria inklusif seperti; (i) Berumur 18 tahun dan ke atas (ii) Mempunyai pengalaman terlibat sebagai mangsa banjir (melebihi tiga peristiwa banjir yang berbeza) (iii) Warganegara Malaysia. Seterusnya, kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah perbincangan kumpulan berfokus dengan menggunakan protokol panduan soalan separa berstruktur. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Hasil daripada kajian yang dijalankan mendapati terdapat tujuh tema utama bagi

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sumber dalaman iaitu tindakan kendiri berdasarkan pengetahuan, persediaan kendiri berdasarkan pengalaman, penyertaan kendiri dalam membantu ahli komuniti, keupayaan menyelesaikan masalah, bantuan kendiri tanpa mengharapkan bantuan luar, persiapan mental dan tema terakhir adalah elemen spiritual dan kekuatan rohani sebagai sumber kekuatan. Kajian ini dilihat sebagai pemangkin ke arah penambahbaikan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara dan boleh digunakan untuk merangka program kesedaran dan kesiapsiagaan komuniti untuk berhadapan dengan bencana banjir di Malaysia.

ABSTRACT

Involvement community of flood victims in disaster management will actually help them to be more resilient as well as to reduce the risk of psychological problem. Therefore, the objective of this study is to explore the internal resources of flood victims that influence them for community empowerment in flood disaster management in Malaysia. This research uses a qualitative method where multiple case studies are used as a research design. It involves four study locations, namely the states of Kedah (Northern Zone), Selangor (Central Zone), Johor (Southern Zone) and Pahang (East Coast Zone). While the sampling technique used is purposive sampling with inclusive criteria such as; (i) Aged 18 years and above (ii) Has experience of being involved as a flood victim (more than three different flood events) (iii) Malaysian citizen. Next, the data collection method used is a focus group discussion by using a semi-structured question as protocol. The data obtained then analyzed using thematic analysis techniques. The results of the study found that there are seven main themes for internal resources which are self-action based on knowledge, self-preparation based on experience, self-participation in helping community members, ability to solve problems, self-help without expecting external assistant, mental preparation and the last theme is spiritual elements and spiritual strength as a source of individual strength. This study is seen as towards improving the National Disaster Preparedness Policy and Mechanism and can be used to design community awareness and preparedness programs in dealing with flood disasters in Malaysia.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini berjaya meneroka maklumat berkaitan sumber dalaman mangsa banjir yang dilihat sebagai sumber bantuan yang diperlukan oleh individu dalam menyesuaikan diri terhadap situasi kritikal seperti bencana banjir.

1. Pengenalan

Dalam kebanyakan kes bencana banjir di Malaysia, pendekatan yang digunakan oleh mangsa bencana semasa dan selepas banjir adalah menunggu bantuan tiba berbanding berusaha untuk menyelesaikan masalah yang berlaku. Oleh itu, mangsa banjir tidak boleh dilihat sebagai objek pasif yang hanya perlu dibantu sebaliknya menurut Fahrudin (2016),

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penglibatan aktif dari peringkat komuniti mangsa banjir itu sendiri *(bottom-up)* akan membantu mereka untuk lebih berdaya upaya dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi ketika banjir. Kunci utama intervensi adalah dengan memberi fokus kepada penglibatan komuniti dalam pengurusan bencana. Hal ini demikian kerana kesan buruk yang dialami oleh mangsa banjir akan menyebabkan kesan emosi dan psikologi yang serius sekiranya tidak dirawat atau mendapat sokongan yang sewajarnya (Kumar, Cheng & Singh, 2016; Ubachukwu & Emeribe, 2017). Oleh itu penglibatan ahli komuniti dilihat dapat membantu kepada penyediaan sokongan psikososial agar dapat mengatasi isu-isu psikologi yang dihadapi melalui sokongan dan penyatuan sosial (Noremy, 2020). Malah menurut Fahrudin (2016), peranan masyarakat adalah penting dalam pengurusan bencana kerana mereka sendiri yang berhadapan dengan situasi tersebut dan mereka selayaknya mengetahui dan memahami apa yang terbaik perlu dilakukan bagi mengatasi masalah sebelum, semasa dan selepas banjir.

Hal ini menunjukkan keperluan agar Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) perlu mengkaji semula dan menambah baik sistem pengurusan bencana dengan melaksanakan konsep pengurusan bencana berasaskan komuniti atau juga dikenali sebagai *Community Based Disaster Management* (CBDM) dengan membina keupayaan secara kolektif di peringkat komuniti dan seterusnya memperkasakan komuniti mangsa banjir untuk berhadapan dengan bencana banjir. Pendekatan CBDM ini melibatkan penglibatan ahli masyarakat di setiap peringkat pengurusan bencana dan dilihat sebagai menyokong kepada pembangunan komuniti resilien. Banyak sarjana luar negara telah menjalankan penyelidikan berkaitan model CBDM ini (Chen, Liu & Chan, 2006; Jahangiri, Izadkhah & Jamaledin Tabibi, 2011; Katrina, 2006; Lorna, 2003; Zhang, Yi & Zhao, 2013) namun masih kurang kajian dijalankan di peringkat lokal khusus kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di Malaysia.

Malah konsep kajian yang ingin dijalankan juga selari dengan Teori *Strengths Based Perspectives* (Saleebey, 2006) di mana pembangunan semula komuniti berdasarkan prinsip pemerkasaan iaitu menggalakkan penggunaan sumber yang dimiliki oleh mangsa banjir dalam proses pemulihan dengan menggunakan kekuatan unik sedia ada seperti kecekapan kendiri individu dan semangat kemasyarakatan yang tinggi. Menurut Noremy et al. (2017), kecekapan kendiri dan strategi daya tindak adalah antara faktor dalaman di samping sokongan sosial, semangat kemasyarakatan dan ciri pemimpin komuniti sebagai faktor luaran yang dikenal pasti sebagai mempengaruhi resiliensi (daya tahan) mangsa banjir untuk bangkit selepas bencana banjir. Malah berdasarkan tinjauan kajian lepas, bagi membantu mangsa banjir untuk kurang terdedah kepada kesan psikologi akibat trauma bencana banjir yang berlaku adalah dengan cara meningkatkan elemen resiliensi mereka (Maruzairi, Mohd Zawari & Wan Nor Arifin, 2015; Rosnah et al., 2015). Oleh yang demikian, komuniti yang resilien dikatakan mampu menggunakan kekuatan dalaman yang ada dalam diri mereka di samping memanfaatkan sumber luar yang sedia ada bagi menyelesaikan masalah dan cabaran yang wujud kesan daripada bencana banjir yang berlaku.

Bagi melaksanakan pemerkasaan komuniti mangsa banjir, penilaian terhadap kekuatan yang dimiliki oleh mangsa banjir perlu dilakukan dengan mengenal pasti sumber yang sedia ada, di samping menggalakkan penglibatan ahli komuniti dalam menyelesaikan masalah yang berlaku. Menurut Noremy et al. (2020), peningkatan elemen resilien mangsa banjir dapat diperkukuhkan melalui semangat kemasyarakatan serta mempertingkatkan kecekapan kendiri sedia ada, memperbaiki strategi daya tindak yang berkesan dalam menghadapi bencana banjir. Hal ini menyebabkan sumber luar akan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dapat dikurangkan melalui penyatuan komuniti, mobilisasi masyarakat dan memperkasakan hubungan dan jaringan dalam komuniti (International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies [IFRC], 2009). Hal ini seterusnya akan mengurangkan kos kerajaan sebagai antara penyedia sumber luaran yang utama dalam perlaksanaan pengurusan bencana sedia ada di Malaysia. Dengan melaksanakan model pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di Malaysia, ia dilihat selaras dengan matlamat Rangka Kerja Sendai (2015-2030) yang menekankan kepada peranan masyarakat dalam pengurusan dan pengurangan risiko bencana. Malah Fahrudin (2016) turut menyokong dengan menyatakan sebelum ini mangsa bencana sering dilihat sebagai objek yang perlu dibantu di mana kerajaan bertanggungjawab ke atas bencana yang berlaku namun kini mangsa bencana perlu dilihat sebagai pelaku *(actor)* yang perlu aktif memainkan peranan dalam pengurusan bencana di mana ketahanan masyarakat *(community resilience)* perlu diperkasakan.

Oleh itu, pendekatan pemerkasaan komuniti yang menekankan konsep resiliensi di peringkat individu dan komuniti dijangka akan meningkatkan kesedaran kepada seluruh komuniti terhadap tanggungjawab mereka dalam meningkatkan sumber dalaman mereka. Apabila komuniti mempunyai lebih banyak sumber untuk dirangsang dan dibangunkan maka keseluruhan komuniti itu akan menjadi lebih kuat secara holistik di mana ahli akan saling membantu dan menyokong antara satu sama lain (Imperiale & Vanclay, 2016). Penglibatan komuniti secara aktif dalam pengurusan bencana di peringkat lokal ini dilihat akan meningkatkan kapasiti mereka dan pada masa yang sama dapat mengurangkan kerentanan dalam menghadapi bencana banjir.

1.1. Objektif Kajian

Meneroka sumber dalaman mangsa banjir yang mempengaruhi kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir.

2. Metod Kajian

2.1. Reka bentuk kajian

Kaedah kajian yang dijalankan adalah kajian kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kualitatif cenderung untuk menghasilkan data yang kompleks dan padat dengan informasi namun ia perlu di tafsir menurut pemahaman teori dari kajian literatur yang perlu dilakukan oleh penyelidik di peringkat awal kajian (Siti Uzairiah, 2017). Oleh itu, kaedah kajian kualitatif adalah sesuai untuk kajian yang berkaitan pemerkasaan komuniti yang memerlukan maklumat dari ahli komuniti (mangsa banjir). Dari segi reka bentuk kajian, penyelidik memilih kajian pelbagai kes *(multiple case)* atau dikenali sebagai kajian pelbagai tempat lapangan *(multisite studies).* Menurut Merriam (2001), penyelidikan pelbagai kes melibatkan pengumpulan dan penganalisisan data daripada beberapa kes atau kajian kes dan ini akan meningkatkan kesahan dapatan penyelidikan. Oleh itu, penyelidikan pelbagai kes dalam seting atau konteks berlainan (melibatkan empat zon negeri di Semenanjung Malaysia) boleh dilihat sebagai menyumbang kepada kebolehpercayaan dan kesahan reka bentuk bagi kajian ini.

2.2. Persampelan

Kajian ini menggunakan teknik persampelan bertujuan bagi mendapatkan informan.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2.3. Kriteria inklusif dan eksklusif:

Informan terdiri daripada sekumpulan mangsa banjir yang dipilih dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan berdasarkan kriteria *inklusif dan eksklusif* seperti berikut:

Kriteria Inklusif:

i. Mempunyai pengalaman terlibat sebagai mangsa banjir (melebihi tiga peristiwa banjir yang berbeza)
ii. Berumur 18 tahun dan ke atas
iii. Warganegara Malaysia

Kriteria Eksklusif:

i. Mempunyai pengalaman terlibat sebagai mangsa bencana selain bencana banjir
ii. Berumur 17 tahun dan ke bawah
iii. Bukan Warganegara Malaysia

Setiap informan yang dipilih diberikan borang persetujuan yang mengandungi maklumat kajian dan ruangan persetujuan bagi menyertai penyelidikan yang dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela tanpa sebarang paksaan.

2.4. Lokasi kajian

Lokasi bagi kajian ini melibatkan empat buah negeri di Semenanjung Malaysia yang mempunyai statistik kejadian banjir tertinggi iaitu di negeri Johor, Selangor, Pahang dan Kedah yang melibatkan empat zon utama di semenanjung Malaysia di mana negeri Selangor mewakili zon Tengah, Johor mewakili zon Selatan, Pahang mewakili zon Pantai Timur dan Kedah mewakili zon Utara. Keempat-empat negeri tersebut di pilih berdasarkan statistik banjir tertinggi yang terkini dikeluarkan oleh Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS).

2.5. Kaedah pengumpulan data

Perbincangan kumpulan berfokus (FGD) bersama penduduk (mangsa banjir) adalah antara aktiviti yang akan digunakan dalam pengumpulan data. Perbincangan kumpulan berfokus *(Focus Group Discussion)* bersama kumpulan mangsa banjir adalah untuk mendapatkan maklumat berkaitan sumber dalaman yang dimiliki oleh ahli komuniti yang mempengaruhi kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir.

2.6. Analisis data

Kesemua data temu bual yang dirakam telah didengar kembali dan ditaip dalam bentuk transkrip untuk melalui proses seterusnya iaitu analisis data. Seterusnya data dianalisis menggunakan kaedah analisis bertema sepertimana yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006) seperti berikut; (i) Membiasakan diri dengan data, (ii) Menghasilkan kod awal, (iii) Mencari tema, (iv) Mengkaji tema, (v) Mentakrif serta menamakan semula tema.

3. Hasil

3.1. Demografi Informan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Jadual 1 menunjukkan demografi tujuh kumpulan perbincangan berfokus yang melibatkan daerah Segamat (Johor), mewakili Zon Selatan, daerah Hulu Langat (Selangor) mewakili Zon Tengah, daerah Temerloh (Pahang) mewakili Zon Pantai Tumur dan daerah Baling (Kedah) mewakili Zon Utara. Hasil kajian mendapati terdapat tujuh tema utama bagi sumber dalaman iaitu tindakan kendiri berdasarkan pengetahuan, persediaan kendiri berdasarkan pengalaman lalu, penyertaan kendiri dalam membantu ahli komuniti, penyertaan kendiri dalam membantu ahli komuniti, bantuan kendiri tanpa mengharapkan bantuan luar, persiapan mental dan kekuatan rohani sebagai sumber kekuatan. Setiap tema yang terhasil dihuraikan seperti berikut:

Jadual 1: Demografi Kumpulan Perbincangan Berfokus

Kumpulan	Daerah	Negeri	Zon
FGD (1) Johor	Segamat	Johor	Selatan
FGD (2) Johor	Segamat	Johor	Selatan
FGD (1) Selangor.	Hulu Langat	Selangor	Tengah
FGD (2) Selangor	Hulu Langat	Selangor	Tengah
FGD (1) Pahang	Temerloh	Pahang	Pantai Timur
FGD (1) Kedah	Baling	Kedah	Utara
FGD (2) Kedah	Baling	Kedah	Utara

3.2. Tindakan kendiri berdasarkan pengetahuan

Hasil temu bual yang dijalankan mendapati kumpulan informan menyatakan pengetahuan yang dimiliki akan membantu mereka untuk melakukan tindakan seperti menyelamatkan barangan, mematikan suis elektrik dan bersiap sedia berpindah ke tempat selamat dengan membawa dokumen penting dan keperluan asas. Tindakan kendiri berdasarkan pengetahuan yang dimiliki ini dilihat sebagai sumber dalaman yang mempengaruhi mereka kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di peringkat komuniti. Ini jelaskan oleh kumpulan informan seperti berikut:

> *" Kawasan ini kawasan yang rendah dan terdedah pada banjir.. kita tahu risikonya jadi bila banjir.. dokumen memang kita selamatkan dulu. Kita dah letak dokumen tu dalam satu bag. Kalau kata banjir..bag tu sentiasa ada dengan kita dan dokumen penting semuanya selamat. Dokumen macam surat beranak dan geran memang penting.. kalau hilang dibawa banjir memang susah "* [FGD (1) Selangor]

> *"Kami matikan bekalan elektrik dulu. Dokumen saya letak dalam kereta, dan kereta saya alih cepat jadi semua selamat. Cuma barang dalam rumah saja habis tapi takpelah barang boleh beli semula tapi fail dokumen itu penting. Malam semasa air naik tu saya panggil ahli keluarga makan dulu untuk lapik perut sebelum keluar ke PPS atau pindah ke tempat yang selamat. Saya pastikan kami semua makan dulu supaya ada tenaga untuk harungi banjir. Kalau tak makan, taka da tenaga..macam mana nak pindah bawa barang semua nanti. "* [FGD (1) Johor]

> *"Kita tengok lah, kalau air banjir naik lain macam, kita kemas lah. Beli plastik hitam tu, kita packing mana yang penting, kemas-kemas, ada benda yang tak pakai kita simpan dulu kat tempat yang tinggi.. masa*

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

keluar berpindah bawa barang yang penting saja macam selimut, lampu suluh, makanan kering serba sikit" [FGD (2) Johor]

Pengetahuan yang dimiliki oleh mangsa banjir mampu membantu mereka untuk bertindak dengan efektif dan ianya dilihat dapat mengurangkan risiko yang lebih buruk kepada mangsa banjir seperti kehilangan nyawa mahupun kesan fizikal dan psikologikal yang teruk. Ini selari dengan Amir Zal (2018) yang menyatakan pengetahuan dan kemahiran mampu untuk membantu komuniti beradaptasi dengan risiko banjir. Malah pengukuhan kepada proses untuk membina semula komuniti akan berjalan dengan lancar berdasarkan kepada beberapa aspek dalam komuniti itu sendiri seperti pengetahuan, kemahiran dan rutin sosial mereka seharian. Pengetahuan ialah faktor penting dan kunci kepada kesediaan (Natalia, Malinti, & Elon 2020). Pengetahuan yang dimiliki oleh individu boleh mempengaruhi sikap dan kesediaan dalam menghadapi bencana (Zahro, 2017).

3.3. Persediaan kendiri berdasarkan pengalaman lalu

Selain itu, sebahagian kumpulan informan menyatakan berdasarkan pengalaman mereka yang lalu ketika mengalami banjir telah membantu mereka membuat persediaan awal seperti mengemas barang penting untuk berpindah apabila diarahkan oleh Penghulu atau agensi penyelamat ke Balai Raya atau Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Malah berdasarkan pengalaman lalu ada kalangan informan yang membuat persediaan dengan membeli peralatan rumah seperti rak televisyen, kabinet dapur, katil dan almari baju yang diperbuat daripada besi bagi mengelakkan kerosakan yang teruk pada banjir akan datang di samping persediaan lain seperti membuat rakit dan para untuk menyimpan barang. Persediaan kendiri berdasarkan pengalaman lalu dilihat sebagai sumber dalaman yang mempengaruhi mereka kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di peringkat komuniti. Ini dinyatakan oleh kumpulan informan seperti berikut:

" Ikut pengalaman banjir sebelum ni, kak rasa kalau peralatan rumah macam peralatan dapur, mangkuk-mangkuk tu beli yang diperbuat dari besi dan plastik ja. Kabinet TV, dapur, katil dan almari baju tu kita beli yang besi, tak mau beli yang kayu dah..nanti habis rosak sebab banjir.. macam mak long ni (sambil menunjuk rakan informan yang lain) dia buat rakit siap-siap.. bila air naik dia letak barang-barang dia ats rakit.. macam kak buat para atas rumah untuk simpan barang sebagai persiapan awal bila kata musim hujan tu datang. " [FGD (2) Kedah]

" Kita dah biasa dah, buat persiapan sajalah bila musim hujung-hujung tahun tu, hah kita buat persiapan awal lah, berjaga-jaga, kita tak boleh sambil lewa je, yang tak pernah kena macam Selangor tu, memanglah terkejut.. kalau macam saya yang kata besar tidak lah, memang dah biasa dah sebab tiap-tiap tahun kan, kadang sampai 2 kali setahun. Jadi kena selalu bersiap sedia.."[FGD (2) Johor]

" Kawasan sini lagi rendah daripada belah sana. Kalau macam saya dekat sana paras pinggang, dekat sini dah paras leher. Kawasan sini rendah. Dia lebih kurang air boleh naik 10 kaki di rumah saya.. maksudnya kan saya dah biasa. Dah lama duduk sini. Saya dah duduk sini dah 16 tahun macam tu. Boleh katakan kita tak berapa panik dah bila air naik. Yang panic bila

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kita selamatkan kenderaan kita..pengalaman saya bila kasawasan belah sana dah naik air saya akan siap sedia rumah saya..saya tahu dah rumah saya akan naik air juga..” [FGD (2) Selangor]

Moreno et al. (2018) menyatakan mangsa banjir lebih berdaya tahan menghadapi bencana banjir dengan melakukan persiapan sewajarnya. Persiapan tersebut termasuklah dengan merujuk bantuan antara komuniti dan pihak-pihak berkuasa di peringkat daerah dan komuniti bagi menyelamatkan nyawa daripada terdedah kepada kesan banjir yang boleh mengakibatkan mengancam nyawa dan menjejaskan kesejahteraan fizikal dan psikologi mangsa banjir.

3.4. Penyertaan kendiri dalam membantu ahli komuniti

Sebahagian kecil kumpulan informan turut menyatakan penyertaan kendiri dalam membantu ahli komuniti dilihat sebagai sumber dalaman yang mempengaruhi mereka kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di peringkat komuniti. Ini dinyatakan oleh kumpulan informan seperti berikut:

“ Kebiasaannya, bila berlaku banjir di kawasan ni, saya yang akan turun dulu tolong. Tahun 2016, arwah pakcik tu terkurung dalam rumah. Nasib baik saya nampak dia. Saya terajang pintu saya buka. Saya nak keluar sana pun saya pakai tali. Banjir baru-baru ni saya sempat selamatkan orang pukul 4.00 pagi. Disebabkan orang tu dah berumur kan. Air tu dah tinggi dan kita pun terpaksa ambil dia bawak keluar juga la kan. Seterusnya sempat selamatkan dua beranak ayah dengan anak. Saya dengan anak saya la selamatkan. Sekarang ni saya standby pelampung besar. Jadi andai kata banjir.. tu la yang menyelamatkan kitorang.” [FGD (2) Johor]

Menurut Moreno et al. (2018), komuniti yang kuat adalah mempunyai keupayaan sosial dan daya tindak kolektif yang digunakan sebagai benteng untuk ketahanan dalam pembinaan semula komuniti selepas bencana banjir berlaku.

3.5. Keupayaan menyelesaikan masalah

Hasil kajian juga mendapati sebahagian kumpulan informan menyatakan keupayaan menyelesaikan masalah sebagai sumber dalaman yang mempengaruhi mereka kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di peringkat komuniti. Ini dijelaskan oleh kumpulan informan seperti berikut:

“ Saya sekarang dah pandai selesaikan masalah barang hanyut. Andai kata air dah naik je saya pasang pagar guna jaring ikan. Jadi barang tak kan keluar dari rumah saya. Sebab kalau tak kerja di kampung saya jadi nelayan di laut. Jadi kat rumah memang ada jaring untuk tahan barang dari hanyut jadi kurang lah hilang barang kita” [FGD (2) Selangor]

“ Kita tak boleh halang banjir dari berlaku, tapi kita boleh cuba selesaikan maslaah bila berlaku banjir untuk kurangkan kerosakan dan kemusnahan yang kita alami. Buat macam tembok batu sekeliling lepas tu tangga naik

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sama tembok tu, lepas tu turun balik, bagi dia sekat air banjir tu. Jadi air tak masuk rumah kita..selesai masalah. " [FGD (2) Kedah]

"Sebab rumah pun dekat dengan tebing kan, bukit kan, jadi buat jenjantas (jambatan) dengan kayu. Tahu dah, bila nak banjir ja kita standby buat jambatan dan pakcing barang siap-siap supaya tak banyak maslalah yang timbul masa kita nak selamatkan diri tu.. kalau air naik mendadak kena guna kudrat buat strategi, letak barang kat tempat tinggi.. kena usaha juga untuk kurangkan masalah kita yang terkesan akibat banjir ni" [FGD (2) Johor]

Aktiviti penyelesaian masalah ialah satu siri proses yang terdiri daripada beberapa peringkat. seperti mengenal pasti, menganalisis, mencari dan melaksana penyelesaian kepada masalah yang dihadapi (Memduhouglu & Kelecs 2016; Aristiawan & Istiyono 2020). Faktor utama yang menyebabkan korban dan kerugian yang ketara ketika bencana adalah kurangnya pemahaman tentang risiko bahaya, sikap, atau tingkah laku individu yang mengakibatkan penurunan sumber alam, kekurangan maklumat amaran awal sehingga menyebabkan individu tidak bersedia, tidak berdaya dan tidak mampu menghadapi bencana ditambah dengan tiada kemahiran dalam menyelesaikan masalah dan ini mengurangkan kesiapsiagaan individu dalam menghadapi bencana (Umar, 2013).

3.6. Bantuan kendiri tanpa mengharapkan bantuan luar

Selain itu juga, kumpulan informan turut menyatakan bantuan kendiri tanpa mengharapkan bantuan luar adalah sebagai sumber dalaman yang mempengaruhi mereka kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di peringkat komuniti. Ini dinyatakan oleh kumpulan informan seperti berikut:

" Sebab sebelum daripada tunggu agensi lain datang selamatkan kami.. baik kami yang selamatkan diir kami dulu kan. Sebab kalau tunggu bomba datang pun silap-silap kami yang tenggelam dulu. Jadi kami bertindak dulu selamatkan diri dan keluarga kami" [FGD (1) Selangor]

"Kami selamatkan diri kami dulu lah. Sebab ada yang anak kecil apa semua kan. Barang pun tinggal macam tu dulu, biasanya susun di tempat tinggi siap-siap sebelum keluar selamatkan diri. Kena bertidak cepat demi nyawa kita.. tak payah tunggu bantuan datang baru nak keluar..bahaya gitu, buat apa risiko kan nyawa sendiri." [FGD (1) Kedah]

" Masa banjir tak sempat dah nak call sesiapa.. abayangkan bila air tu dah masuk dalam rumah.. kita nak capai apa pun tak tahu.. Rumah saya jauh dari orang lain. Jadi takda pilihan saya dan keluarga kena bertindak sendiri dan tak boleh harapkan bantuan luar datang.." [FGD (2) Selangor]

" Bila air dah naik kami pergi sendiri lah, , tidak perlu nak minta bomba ke apa ke, mereka pun sibuk, bukan kita sorang ja mangsa banjir, ramai lagi mereka nak bantu.. jadi kita kena pandai-pandai lah sendiri selamatkan diri " [FGD (2) Johor]

Oleh itu, adalah perlu penyediaan latihan menyelamatkan diri kepada penduduk komuniti sebagai keperluan kepada mereka untuk bertindak pantas apabila berhadapan bencana

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

banjir sekiranya bantuan yang diperlukan tidak dapat dicapai dengan segera (Ahmad Zafran et al., 2021). Pelaksanaan program atau aktiviti sebagai langkah-langkah persediaan menghadapi bencana dapat membantu komuniti meningkatkan kesedaran dan ilmu pengetahuan untuk bertindak ketika banjir. Menurut Yazid Salleh et al., (2018), program yang meliputi asas keselamatan arus deras, teknik asas menyelamat, asas pertolongan cemas dan kemahiran asas menyelamat dapat membantu mengurangkan impak bencana banjir serta membantu mengembalikan kehidupan semula komuniti banjir. Oleh itu, semakin banyak pendedahan diberikan kepada komuniti, semakin tinggi kesedaran dapat dipupuk serta persiapan dapat dilakukan bagi menggalakkan bantuan kendiri dalam kalangan mangsa banjir tanpa mengharapkan bantuan luar. Ini secara tidak langsung menyokong kepada pembentukan komuniti resilien (berdaya tahan).

3.7. Persiapan Mental

Hasil kajian turut mendapati sebahagian kecil kumpulan informan menyatakan persiapan mental dilihat sebagai sumber dalaman yang mempengaruhi mereka kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di peringkat komuniti. Ini dijelaskan oleh kumpulan informan seperti berikut:

> *"Makcik nak kata macam ni, bersedia ke tak bersedia ke, memang kita kena prepare mental kita. Sebarang kemungkinan boleh berlaku bila mai banjir ni. Rosak harta benda itu pastinya. Jadi kita kena siap sedia terima.. yang penting nyawa kita dan keluarga kita selamat. "* [FGD (1) Kedah]

> *"Dari segi persediaan memang kita bersedia la kan. Bukan sahaja bersedia dari segi kemas barang dan sediakan bekalan makanan tapi kena sedia mental juga. Kalau kita ada persediaan tu insyaAllah apa pun yang berlaku lepas banjir kitab oleh terima."* [FGD (1) Pahang]

Menurut Nurashikin (2015), kejadian bencana alam yang berlaku mengundang kepada tekanan psikologikal serta-merta atau memberi kesan jangka masa panjang. Kesan bencana yang berlaku boleh menyebabkan berlakunya kesedihan, kebimbangan, gangguan kemurungan, gangguan penyesuaian, gangguan tekanan dan yang lebih kritikal boleh menyebabkan *Post Traumatic Stress Disorder* (PTSD). Tekanan psikologokal yang dialami dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu faktor individu, sosio-budaya dan jenis serta bentuk kemusnahan yang dialami. Faktor individu yang dimaksudkan adalah bentuk strategi menghadapi bencana, personaliti dan daya tahan (resilien) yang dimiliki oleh seseorang individu. Oleh itu, adalah perlu persiapan mental sebagai penghalang individu terdedah kepada kesan psikologikal akibat bencana yang berlaku.

3.8. Kekuatan rohani sumber kekuatan

Terdapat juga kumpulan informan yang menyatakan kekuatan rohani seperti tawakal dan redha sebagai sumber dalaman yang mempengaruhi mereka kepada pemerkasaan komuniti dalam pengurusan bencana banjir di peringkat komuniti. Ini jelaskan oleh kumpulan informan seperti berikut:

> *"Saya fikir macam ni je. Kita tengok kalau negara luar lebih teruk daripada kita. Kita ni syukur alhamdulilah masih tak macam diorang. Teruk tapi tak teruk macam sana. Redha dan terima kerana perkara ini bukan kita yang minta, jika ingin meratapi ianya sia-sia kerana perkara telah pun terjadi.*

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kena terima dan ambik ini sebagai sumber kekuatan untuk hadapinya. " [FGD (1) Selangor]

"Bila berlaku bencana ni, kita kena tawakal jel ah, Redha lepas kita dah usaha kan, nak sedih lama-lama pun takda gunanya jadi lebih baik kita terima dan move on untuk perbaiki hidup lepas banjir..bukan kita sorang yang kena..satu kampung terjejas" [FGD (2)Johor]

Kepercayaan dan pegangan masing-masing adalah menjadi sebagai satu penyumbang kepada ketahanan mangsa banjir dalam berdepan dengan musibah tersebut. Kemurungan dapat diatasi dengan elemen keagamaan dan spiritual yang berupaya untuk mangsa kembali pulih dari bencana (Cox et al., 2014; Koenig, 2018).

4. Kesimpulan

Hasil daripada kajian ini akan membantu negara dalam meningkatkan mekanisme pengurusan bencana di bawah Agensi Pengurusan Bencana (NADMA) selaras dengan matlamat Rangka Kerja Sendai (2015-2030) yang menekankan kepada peranan masyarakat dalam pengurusan dan pengurangan risiko bencana. Selain itu, ia membantu kerajaan mengurangkan kos perbelanjaan dan kos pemulihan selepas banjir kerana model ini mempersiapkan masyarakat untuk bersedia menghadapi bencana dan sekaligus mengurangkan risiko kerugian bagi setiap individu dan keluarga yang terlibat dengan banjir. Ini akan melahirkan masyarakat yang mempunyai resiliensi (daya tahan) yang tinggi, berdikari dan proaktif sebelum, semasa dan selepas bencana banjir berlaku.

Ia merupakan satu inovasi dalam pengurusan bencana negara di mana ia melibatkan pendekatan dari peringkat bawah ke atas *(bottom-up)* yang berbeza dengan pendekatan pengurusan bencana banjir yang sedia ada di mana gerakan bantuan sebelum, semasa dan selepas banjir adalah dari peringkat atas ke bawah *(top-down).* Oleh itu, dapatan kajian ini boleh dijadikan panduan dan rujukan penting kepada komuniti di peringkat lokal mahupun pihak pengurusan bencana di peringkat kebangsaan untuk menambahbaik pengurusan bencana sedia ada di samping mewujudkan program-program kesiapsiagaan yang menekankan sumber dalaman yang sedia ada dalam diri setiap ahli komuniti sebagai langkah memperkasakan komuniti yang produktif dalam menghadapi bencana banjir di Malaysia.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kod kelulusan JEP-2021-550. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan UKM. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua informan.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penghargaan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia bagi Skim Geran Penyelidikan Fundamental dengan Kod Projek: FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/12. Terima kasih kepada semua ahli kumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysia dan Universiti Sains Malaysia serta semua informan yang terdiri daripada mangsa banjir, pemimpin komuniti dan agensi yang terlibat dalam mengurus komuniti ketika bencana banjir atas kerjasama yang diberikan bagi menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini ditaja melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental dengan Kod Projek: FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/12.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Ahmad Zafran, S. A., Najmuddin, A. R., & Muhammad Amaluddin, M.A. (2021). Latihan Menghadapi Risiko Bencana Banjir: Satu Penilaian Amal Rescue Team (ART) Unit Barisan Hadapan Jabatan Amal Malaysia. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)*, m.s. 581-592.

Amir Zal, W. A. (2018). Ketahanan Komuniti Mangsa Bencana Banjir Di Pantai Timur Semenanjung Malaysia Dalam Konteks Modal Komuniti. *Journal of Nusantara Studies JONUSO, 3*(2), 41-53.

Aristiawan, A. & Istiyono, E. (2020). Developing instrument of essay test to measure the problem-solving skill in physics. *Jurnal Pendidikan Fisika Indonesia, 16*(2), 72-82.

Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology, 3*(2), 77-101.

Chen, L., Liu, Y., & Chan, K. (2006). Integrated Community-Based Disaster Management Program in Taiwan: A Case Study of Shang-An Village. *Nat Hazards, 37*, 209-221.

Cox, M., Villamayor-Tomas, S., & Hartberg, Y. (2014). The role of religion in community-based natural resource management. *World Development*, *54*(1), 46-55.

Fahrudin, A. (2016). Peranan masyarakat dalam pengurusan bencana. *Seminar Psikologi Kebangsaan III. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah*, 26 & 27 Mei 2016.

Imperiale, A. J., & Vanclay, F. (2016). Experiencing local community resilience in action: Learning from post-disaster communities. *Journal of Rural Studies*, *47*(A), 204-219.

International Federation of Red Cross and Red Crescent Societies (IFRC) (2009). *Psychosocial intervention: A handbook.* Denmark: International Federation Reference Centre for Psychosocial Support.

Jahangiri, K., Izadkhah, Y., & Jamaledin Tabibi, S. (2011). A comparative study on community based disaster management in selected countries and designing a model for Iran. *Disaster Prevention and Management, 20*(1), 82-94. https://doi.org/10.1108/09653561111111108

Katrina, M. A. (2006). Community-based disaster preparedness and climate adaptation: local capacity-building in the Philippines, *Disasters, 30*(1), 81-101. https://doi.org/10.1111/j.14679523.2006.00308.x

Koenig, H. G. (2018). *Religion and mental health: Research and clinical applications*. New York, NY:Academic Press.

Kumar, V., Cheng, S. Y. C., & Singh, A. K. (2016). Impact of flood on rural population and strategies for mitigation: A case study of Darbhanga District, Bihar State, India. *Contemporary Rural Social Work, 8*(1), 45–56.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Lorna P. V. (2003). Community-Based Disaster Management in the Philippines: Making a Difference in People's *Lives. Philippine Sociological Review*, 51, 65-80.

Maruzairi, H., Mohd Zawari, M. N., & Wan Nor Arifin, W. M. (2015). Exploring emotion disasters and resilience in adolescent affected by flood in Kelantan and the development of peer support group for trauma module. *Laporan Akhir Persidangan Kajian Bencana Banjir 2014.* (ms. 244-247): UTM.

Memduhouglu, H. & Band Kelecs, E. (2016). Evaluation of the relation between critical-thinking tendency and problem-solving skills of pre-service teachers. *Journal of Educational Sciences Research, 6*(2), 75-94.

Merriam, S. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. San Francisco, CA: Jossey Bass.

Moreno, J., Lara, A., & Torres, M. (2018). Community resilience in response to the 2010 tsunami in Chile: The survival of a small-scale fishing community. International *Journal of Disaster Risk Reduction*, 33, 376-384. https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S2212420918307908

Nurashikin, I. (2015). Mental health and psychosocial response: Support and coordination in disaster. Kertas Pembentangan daripada *Kelantan Mental Health Conferences*. Kota Baharu, Kelantan: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan.

Natalia, R. N., Malinti, E., & Elon, Y. (2020). Kesiapsiagaan Remaja Dalam Menghadapi Wabah COVID-19. *NHIHC: Nani Hasanuddin International Health Conference*, 107-111.

Noremy M. A., Azlinda A. & Taufik. (2017). Transforming Society: Strategies for Social Development from Singapore, Asia and Around the World, *Flood disasters in Malaysia: Psychosocial care and social work intervention*. Chapter 12, 169-178, Routledge: New York, USA

Noremy, M. A. (2020). A Review on The Psychological Issues and Psychosocial Intervention:Flood Disasters in Malaysia. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation,* 24, 4337- 4349.

Noremy, M. A., On Kan, S., & Nur Hafizah, M. A. (2020). Faktor Pengaruh Resiliensi Mangsa Banjir: Kajian Kes Di Kelantan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, *34*(2), 105-118.

Rosnah, I., Ferlis, B., Jasmine, A. M., Shuhairimi, A., Mohd Kasturi, N. A., Adila, I. & Siti Zaleha, I. (2015). Intervention guideline and model program for strengthening family communityresilience in traumatic loss and major disasters. Laporan Akhir *Persidangan Kajian Bencana Banjir 2014*, 248-251: UTM. doi: 10.1080/02678370010025568

Saleebey, D. (2006). *The Strengths Perspective in Social Work Practice.* Boston: Pearson.

Siti Uzairiah, M. T. (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu bual.* Kuala Lumpur, Malaysia: Aras Publisher.

Ubachukwu, N. N., & Emeribe, C. N. (2017). The 2012 flooding in selected parts of Isoko South, *Sciences*, *8*(1), 353–358.

Umar, N. (2013). Pengetahuan dan kesiapsiagaan masyarakat menghadapi bencana banjir di bolapapu kecamatan kulawi sigi sulawesi tengah. *Jurnal Keperawatan Soedirman, 8*(3),105-119.

Yazid, S., Hanifah, M., Zalina, H., & Nasir, N. (2018). Pencapaian Program Pemindahan Ilmu Tatacara Menyelamat Sewaktu Banjir dan Kaedah Pemulihan Dalam Kalangan Komuniti Kuala Krai, Kelantan, Malaysia. *Journal of Echno Social*, *10*(1), 2600-7940.

Zahro, Z. R. (2017). Sekolah siaga bencana: kajian evaluatif kesiapsiagaan sekolah menghadapi bencana. *Seminar Nasional Pendidikan Sinergitas Keluarga, Sekolah, dan Masyarakat dalam Penguatan Pendidikan Karakter*, 249-258.

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Zhang, X., Yi, L. & Zhao, D. (2013). Community-based disaster management: a review of progress in China. *Nat Hazards, 65,* 2215-2239. https://doi.org/10.1007/s11069-012-0471-3

© 2023 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).